

REGAL-BELOIT CORPORATION
PERUNDANGAN KORPORAT
100.103 Dasar Mineral Berkonflik

Dokumen ini dikawal dan telah disiarkan secara elektronik. Versi pada www.regalbeloit.com/Governance (tapak internet Tadbir Urus Korporat Regal) ialah dokumen yang dikemas kini. Salinan cetak tidak dikawal dan mungkin tidak terkini. Pengguna salinan cetak harus membandingkan versi mereka dengan versi elektronik yang terkawal. Jun 2014

Dasar Mineral Berkonflik Regal-Beloit Corporation

Integriti adalah satu daripada tiga nilai teras Regal. Kita komited terhadap standard tertinggi kelakuan beretika dan bertanggungjawab sosial, dan kita tidak membiarkan berlakunya pencabulan hak asasi manusia yang berkaitan dengan perlombongan, pengangkutan atau perdagangan mineral berkonflik. Kita menyokong usaha Gabungan Kewarganegaraan Industri Elektronik (The Electronic Industry Citizenship Coalition, "EICC") dan Inisiatif e-Kelestarian Global (Global e-Sustainability Initiative, "GeSI") yang meminta syarikat untuk mengambil usaha wajar yang munasabah berkenaan dengan rangkaian bekalan mereka bagi memastikan bahawa mereka tidak menyumberkan mineral tertentu dari lokasi yang dihuraikan sebagai "Rantau Berkonflik", yang terletak di Republik Demokratik Congo dan kawasan sekitarnya.

Berikut dengan komitmen kita, kita akan bekerja dengan pembekal kita untuk menjelak kandungan mineral di dalam semua produk kita bagi menentukan jika mineral yang berasal dari operasi perlombongan atau peleburan di Rantau Berkonflik digunakan di dalam produk kita. Kita tidak akan secara sengaja menggunakan mineral dari Rantau Berkonflik di dalam produk kita. Oleh yang demikian, kita akan menghendaki semua pembekal kita untuk menjelak balik kandungan mineral di dalam produk yang mereka bekalkan kepada kita sehingga kepada pelebur yang diperakui bebas konflik dan memberikan kita dokumentasi yang berkaitan dengan usaha wajar mereka. Kita akan menghendaki pembekal kita untuk mendapatkan komponen, bahagian atau produk yang mengandungi timah, tantalum, tungsten dan/atau emas dari sumber yang telah dikenal pasti sebagai bebas konflik. Kita akan menggunakan Templat Pelaporan Mineral Berkonflik EICC-GeSI (EICC-GeSI Conflict Minerals Reporting Template) yang distandardkan untuk memeta dan memantau komitmen dan aktiviti pembekal kita berkenaan dengan perkara ini.

Langkah-langkah usaha wajar Regal untuk mineral berkonflik telah direka khusus untuk mematuhi, dalam semua segi material, dengan rangka kerja dalam *The Organisation for Economic Co-operation and Development Due Diligence Guidance for Responsible Supply Chain of Minerals from Conflict-Affected and High Risk Areas: Second Edition*, termasuk tambahan yang berkaitan dengan emas, tin, tantalum dan tungsten ("OECD Guidance" - Panduan OECD). Regal telah menerapkan kelima-lima langkah Panduan Usaha Wajar OECD yang merangkumi sistem pengurusan, proses untuk mengenal pasti dan menilai risiko dalam rantai bekalan kita, proses untuk memberi tindak balas terhadap risiko yang dikenal pasti dan mengguna pakai proses pengurusan risiko dan usaha wajar Program Pelebur Bebas Konflik (Conflict Free Smelter Program, CFS).

Kita komited terhadap perniagaan hanya dengan syarikat yang berkongsi nilai-nilai kita. Kita akan menyampaikan dasar ini kepada pembekal kita dan menghendaki mereka menetapkan dasar serupa bagi rangkaian bekalan mereka.

| | |
|---------------------------|--|
| Fungsi/Unit Perniagaan: | Perundangan/Rangkaian Bekalan |
| Pengarang (Jawatan, Jab.) | Greg Lanchman Pengurus, Pematuhan & Sokongan Teknikal - Rangkaian Bekalan |
| Tarikh Keluaran: | 2 Jun 2014 |
| Kekerapan Semakan: | Tahunan |
| Bahasa yang dikeluarkan: | Bahasa Kod |

Hantarkan soalan berkenaan dasar ini kepada integrity@regalbeloit.com atau orang hubungan rantai bekalan setempat.

| | |
|---------------------------|--|
| Fungsi/Unit Perniagaan: | Perundangan/Rangkaian Bekalan |
| Pengarang (Jawatan, Jab.) | Greg Lanchman Pengurus, Pematuhan & Sokongan Teknikal - Rangkaian Bekalan |
| Tarikh Keluaran: | 2 Jun 2014 |
| Kekerapan Semakan: | Tahunan |
| Bahasa yang dikeluarkan: | Bahasa Kod |